

# Ismail Abdullah juara silat tomoi

ISMAIL ABDULLAH dari Kelab Sukan dan Rekreasi Pejabat Tanah Baling, menjuarai Kejohanan Seni Silat Tomoi Kedah bahagian *middleweight*, di di Dewan Datuk Syed Omar, Alor Star.

26 OCT 1988

Di pertandingan akhir itu dia menewaskan Shafie Abdulla dari Persatuan Tomoi Pendang dengan kiraan *KO* pusingan pertama.

Sementara itu, perlawanan merebut tali pinggang Pusingan Kang Phee Keat untuk bahagian *lightweight*, dimenangi oleh bakat baru, Abdul Hafiz Halim dari Persatuan Seni dan Sukan PKNK, yang menewaskan, Pong a/1 Pek Keow dari Kelab Titi Akar dengan *TKO* pusingan kelima.

B. Harlan (M)

Tiga puluh enam peserta bertanding di peringkat saringan di Gelanggang Budaya, Alor Star pada 6 dan 7 Oktober, sebelum 14 daripada mereka dipilih ke peringkat akhir.

Lima peserta — Abdul Rahim Abdul Karim, Ishak Talib, Mohd Rodzi Mahmud, Yusoff Baharom dan Ismail Saad — memenangi bahagian masing-masing dalam persaingan tidak merebut tali pinggang.

Kejohanan yang pertama kali diadakan sejak 30 tahun lalu dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Seni Silat Tomoi Kedah dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Azizan Haji Taib menyampaikan hadiah.

# Selangor hantar 14 pesilat

B. Harlan (M)

28 OCT 1988

DUA pesilat kebangsaan, Mohd Izan Ismail dan Nazrah Latif akan menjalani latihan pusat selama seminggu di Pusat Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur bermula 3 November ini, lapor SAARI SA-NIF.

Mohd Izan adalah pemenang pingat emas Kelas 1, manakala Nazrah pingat perak bagi Kelas A di Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson baru-baru ini.

Latihan pusat anjuran Majlis Silat Selangor (Masis) itu turut disertai oleh 12 pesilat lain yang dipilih bagi menghadapi Sukma pada 12-19 November ini.

Jurucakap Masis, berkata Selangor akan menghantar 14 pesilat

olahraga di samping dua jurulatih iaitu Mufti Ansari dan Zaleha Suradi. Sementara pengurus pasukan Khalid Haji Osman dan penolong Adnan Zakaria.

Katanya, Masis bagaimanapun tidak dapat menghantar seorang peserta wanita, Rohana Manaf, pemenang pingat emas kelas (D) Kejohanan Kebangsaan kerana menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sementara, penolong pengurus pasukan, Adnan, berkata latihan itu berpandukan kepada asas yang dipelajari semasa menjalani latihan pusat ketika menghadapi beberapa kejohanan kebangsaan sebelum ini.

Katanya, latihan juga ditumpukan kepada teknik serangan dan menangkis.

Pesilat Selangor: Lelaki — Malik Faizal Yaacob (kelas A), Ismail Mohd Salim (B), Rozaini Ismail (C), Basirun Kamaruddin (D), Mohd Taha Zainal (E), Ramli Hairani (F), Ahmad Karim (G) Ahmad Zailan Ahmad Zahidin (H), Mohd Izan Ismail (I) dan Irwan Kamaruddin (bebas).

Wanita — Nazrah Latif (Kelas A), Rosiah Sanif (B), Norfiaziah Rahim (C) dan Norhaidah Harun (D).